

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 19.5.2016

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah SMK Desa Wawasan di mana tapak pembinaan sekolah menengah telahpun dikenal pasti berhampiran dengan perkampungan Kg. Kirokot daerah Tambunan akan dibina memandangkan projek ini telahpun diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM40 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, kementerian telah pun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan SMK Desa Wawasan dalam *Rolling Plan* Pertama RMKe-11. Namun, permohonan ini tidak diluluskan. Sehubungan itu, permohonan akan dikemukakan semula pada *Rolling Plan* yang akan datang dan tertakluk kepada kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

RJM41